

22 OCT 1999

Salleh-Kenaf

TANAMAN "KENAF" MUNGKIN DIPERKENAL DI SABAH

KOTA KINABALU, 22 Okt (Bernama) -- Tanaman ajaib dikenali sebagai "Kenaf" mungkin diperkenalkan di Sabah secara besar-besaran jika cadangan oleh Yayasan Bumiputera Sabah (YBS) untuk mengusahakan tanaman itu di negeri ini menjadi kenyataan.

Pengerusi YBS Datuk Salleh Tun Said berkata usaha itu akan membuka peluang-peluang bukan sahaja kepada bakal pelabur tetapi juga menambah pendapatan dan penyertaan Bumiputera dalam industr agro.

"Saya telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak yang berminat untuk memperkenalkan tanaman Kenaf di Sabah," kata beliau pada pelancaran program francais di bawah YBS di sini.

Kenaf ialah pokok yang berasal dari Afrika Selatan dan menurut penyelidikan olej saintis Jepun, ia boleh digunakan dalam pelbagai cara termasuk dalam pengeluaran kertas, tekstil dan juga diproses sebagai makanan.

Menurut Salleh, Kenaf ialah antara tanaman yang disebut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini sebagai tanaman yang mungkin diperkenalkan di negara ini ketika negara mempromosikan sektor pertanian lebih agresif melalui Dasar Pertanian Negara ketiga.

-- BERNAMA